

Wanita MCA Selangor lulus usul gesa guna sistem kesamarataan

UM - 3 JUN 2002

KUALA LUMPUR 2 Jun – Wanita MCA Selangor hari ini sebulat suara meluluskan usul menggesa kerajaan menggunakan sistem kesamarataan dalam pengambilan pelajar ke universiti awam secara meritokrasi.

Usul dicadangkan oleh tiga bahagian; Petaling Utara, Selangor dan Shah Alam itu terkandung dalam draf resolusi yang diluluskan semasa Perhimpunan Agung Tahunan Wanita negeri ke-27 di Wisma MCA di sini.

Sebanyak 34 peratus atau 317 daripada 918 jumlah kehadiran perwakilan Wanita MCA Selangor itu juga merayu kerajaan melaksanakan program pendidikan secara terbuka dan adil kepada semua kaum.

Antara lain usul pendidikan meliputi rayuan agar penubuhan lebih banyak sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan di kawasan penempatan majoriti Cina.

Selain itu usul juga merayu kepimpinan tertinggi MCA menumpu perhatian membentuk jawatankuasa khas operasi memantau agar semua pengambilan pelajar universiti dan kolej adalah telus dan adil.

Menurut Pengerusi Wanita MCA Selangor, Datuk Paduka Tan Yee Kew, pergerakan wanita menyokong penuh pelaksanaan sistem meritokrasi yang dianggap dapat menjalin perpaduan kaum menerusi pendidikan negara.

“Sistem ini dijangka dapat

membentuk perkongsian bijak antara pelajar semua kaum yang secara tidak langsung sama-sama bersaing untuk maju dalam semua bidang,” kata Yee Kew yang juga Naib Ketua Wanita Kebangsaan kepada media di sini.

Usul pendidikan itu merupakan sebahagian daripada 22 usul yang dibentangkan dan diluluskan pada perhimpunan yang dipengerusikan oleh Pengerusi Wanita MCA Melaka, Datuk Kian Sit Har.

Usul-usul lain merangkumi bidang politik, ekonomi, sosial, kebudayaan, kesihatan dan agama turut diterima sebulat suara.

Antara usul politik termasuk menggesa supaya Barisan Nasional (BN) meminda perlembagaannya bagi menyediakan 30 peratus kerusi Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri bagi calon wanita untuk bertanding.

Selain itu, perhimpunan juga mengulangi permintaan supaya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad melantik Ahli Parlimen Wanita MCA sebagai Timbalan Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga.

Utusan Malaysia juga difahamkan pergerakan wanita MCA akan menghantar satu delegasi ke Terengganu bagi membincangkan rang undang-undang jenayah syariah (hudud dan qisas) dalam waktu terdekat ini.